



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 57  
No. 8

**15hb April 2004**

*TAMBAHAN*  
No. 2

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984  
(Act 313)

**No. 259.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7

NOTIFICATION UNDER SECTION 7

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984, Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan tanah seluas 12,145.7 hektar (30,012.6 ekar) yang dilukiskan serta ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. PW 3441 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Hutan Simpanan Kekal dan dikenali sebagai Hutan Simpan Hulu Jelai (Tambahan) mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 7 of the National Forestry Act 1984, the State Authority declares the land measuring an area of 12,145.7 hectares (30,012.6 acres) as delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. PW 3441 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Permanent Reserved Forest and to be known as Hulu Jelai (Additional) Permanent Reserved Forest with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTL. 2/UJ/005/95]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 260.**

## PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 13

## NOTIFICATION UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984, Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa kawasan tanah seluas 10.93 hektar (27.017 ekar) dalam Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukiskan dan ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. PW 3494 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Hutan Simpanan Bakau Kuantan menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 1248 yang disiarkan pada 13 Februari 1931, dikeluarkan daripada Hutan Simpanan tersebut dan tanah itu hendaklah terhenti daripada menjadi hutan simpanan kekal mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Forestry Act 1984, the State Authority declares that the land measuring an area of 10.93 hectares (27.017 acres) in the Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. PW 3494 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which is forming part of Kuantan Mangrove Reserved Forest *vide* the Federated Malay States Government Gazette No. 1248 published on 13 February 1931 be excised from the said Reserved Forest and that the land shall cease to be a permanent reserved forest with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTK. 3/5/153]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

ENAKMEN RIZAB MELAYU  
(N.M.B. Bab 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT  
(F.M.S. Cap. 142)

**No. 261.**

## PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

## REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 34.41 ekar (13.93 hektar) dalam Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, yang dilukis dan ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. PW 3391 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Cherating menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 7099 yang disiarkan pada 9 November 1928 dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 34.41 acres (13.93 hectares) in the Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan, as delineated and shown upon Survey Plan No. PW 3391 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which is forming part of the Cherating Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 7099 published on the 9 November 1928 be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 18 Februari 2004

Dated 18 February 2004  
[PTK. 3/5/197]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

No. 262.

(Seksyen 62)

PERIZAPAN TANAH-TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LANDS FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 305 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 332 Seksyen 17, Bandar Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. PA 75124 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan Taman Warisan I, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan disenggarakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 305 square metres known as Lot 332 Section 17, Bandar Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. PA 75124 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Taman Warisan I Sewerage Service and System, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTK. 3/5/258]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 263.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 978 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 51995, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 81312 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Bangunan Tabika di Kampung Padang, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 978 square metres, known as Lot 51995, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 81312 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for a Kindergarten at Kampung Padang, to be under the control of the Kuantan District Officer.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTK. 3/5/616]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 264.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 11446 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 7481, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 87692 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Padang Bola Balok Makmur, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 11446 square metres known as Lot 7481, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 87692 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Balok Makmur Football Field, to be under the control of the Kuantan District Officer.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTK. 3/5/258]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 265.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1.19 hektar dalam Mukim Penor, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. PW 3520 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Stesen Kalibrasi EDM dan GPS di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 1.19 hectares in the Mukim of Penor, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. PW 3520 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the EDM and GPS Calibration Station to be under the control of the Pahang State Secretary.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTG. Phg. 04/314]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 266.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 38 ekar (15.38 hektar) di Cherating, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, yang dilukis di atas Pelan Ukur No. PW 3448 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai kawasan rekreasi Pantai Cherating, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan dan ditadbir oleh Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 38 acres (15.38 hectares) at Cherating, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. PW 3448 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Cherating Beach Recreational area, to be under the control of the Kuantan District Officer and to be managed by the Kuantan Municipal Council.

Bertarikh 18 Februari 2004

Dated 18 February 2004  
[PTK. 3/5/197]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 267.**

(Subseksyen 64(1))

PEMBATALAN-PEMBATALAN PERIZAPAN

(Subsection 64(1))

REVOCATIONS OF RESERVATION

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 391 yang disiarkan pada 28 Januari 1921, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 telah merizabkan tanah seluas 6 ekar 36 pole terletak di Bandar Raub, Daerah Raub, yang dilukar atas Pelan Ukur No. 1,482 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai hospital;

Dan bahwasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 31 Ogos 2000 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 618;

Dan bahwasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisyiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 391 published on the 28 January 1921, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred upon him by section 9 of the Land Enactment 1911 has reserved the land comprising of an area of 6 acres 36 poles situated at the Township of Raub, District of Raub, delineated upon Survey Plan No. 1,482 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose of hospital.

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on 31 August 2000 as *Gazette* Notification No. 618;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[P.T. Raub 1/01/G(b)/3732]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 268.**

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 5649 yang disiarkan pada 4 September 1925, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 telah mengisyiharkan tanah seluas 9 ekar 1 rood 5 pole yang dikenali sebagai Lot No. 1 terletak di Bandar Bentong, Mukim Bentong, Daerah Bentong, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 6,264 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai satu rizab bagi tujuan sekolah;

Dan bahwasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 25 Oktober 2001 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 607;

Dan bahwasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisyiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 5649 published on 4 September 1925, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 9 of the Land Enactment 1911 has proclaimed the land comprising of an area of 9 acres 1 rood 5 poles known as Lot No. 1, situated in Bentong Town, Mukim of Bentong, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 6,264 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose of a school;

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on 25 October 2001 as *Gazette* Notification No. 607;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[P.T. Btg. 1/B/004599]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 269.**

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 7530 yang disiarkan pada 7 Oktober 1932, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 telah mengisyiharkan tanah seluas 5 ekar 1 rood 15 pole yang dikenali sebagai Lot No. 77 terletak di Cherok Paloh, Mukim Penor, Daerah Kuantan, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 459 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai satu rizab bagi tujuan Sekolah Kebangsaan dan Kuarters Guru;

Dan bahwasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 6 Disember 2001 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 742;

Dan bahwasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisyiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Federated Malay State Government *Gazette* No. 7530 published on 7 October 1932, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the Land Code 1926 has proclaimed the land comprising of an area of 5 acres 1 rood 15 poles known as Lot No. 77, situated in Cherok Paloh, Mukim of Penor, District of Kuantan, delineated upon Survey Plan No. 459 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose of a site for Vernacular School and Teachers Quarters;

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on 6 December 2001 as *Gazette* Notification No. 742;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTK. 3/3/23764]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

No. 270.

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abu Hassan bin Shafiee yang beralamat di d/a Mat Saad bin Shafiee, 318 Felda Trolak-Utara, Sungkai, Perak Darul Ridzuan dan 14 Lorong Balok Baru 12, Kuantan Pahang Darul Makmur, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada hari Khamis 13 Mei 2004 jam 3.15 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Karang. No. P.T.—3171. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2971. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 2031/89, Jilid 191, Folio 92. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Februari 2004  
[PTK. 4.5.1.3192]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 271.**

Kepada Azman bin Mohd Ariffin dan Emillia Sabrina binti Ayob yang beralamat di 22 Lorong Kempadang Perdana 8, Sungai Soi, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur dan B-2579 Lorong Air Putih 78, Taman Anggerik Desa, 25300 Kuantan, Pahang Darul Makmur, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada hari Rabu 12 Mei 2004 jam 3.00 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—45545. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 38072. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 5624/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Februari 2004  
[PTK. 4.5.1.3324]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 272.**

Kepada A Soundarajan a/l Arumugam, Kalaiveni a/p Thangiah, Krishnamah a/p Muthusamy dan T.Lalitha a/p Thangiah yang beralamat di 9 Lorong Setali 19, Taman Tunas Jaya Phase II, 25300 Kuantan, Pahang Darul Makmur, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada hari Selasa 18 Mei 2004 jam 2.45 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—20356. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 8062. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 7407/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Februari 2004  
[PTK. 4.5.1.3283]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS  
*Pentadbir Tanah Daerah*  
*Kuantan*

**No. 273.**

Kepada Pong Tau Huwat dan Phang Suh Jiuan yang beralamat di 11 Lorong Galing 138, Jalan Air Putih, 25300 Kuantan, Pahang Darul Makmur, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada hari Rabu 19 Mei 2004 jam 3.15 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—49632. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 40773. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 7339/97, Jilid 401, Folio 44. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Februari 2004  
[PTK. 4.5.1.3334]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 274.**

Kepada Mohd Nordin bin Suleiman dan Mohd Ishak bin Sulaiman yang beralamat di 42B Mahsuri Apartment, Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur dan B24 Lorong Jaya Gading 12, Bandar Baru Jaya Gading, Kuantan, Pahang Darul Makmur, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada hari Khamis 20 Mei 2004 jam 3.00 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—35742. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 31833. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 4414/98. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Februari 2004  
[PTK. 4.5.1.3337]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 275.**

(Seksyen 265(2))

## LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Jahri bin Isa dan Nordin bin Jaafar, 351 Felda Kg. Sertik, 28610 Karak, Pahang dan Che Hamzah bin Che Awang, 308 Felda Kg. Sertik, 28610 Karak, Pahang, pemegang gadaian Bank Pertanian Malaysia yang beralamat di 49 Jalan Loke Yew, 28700 Bentong, tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

450

[15hb April 2004]

Adalah dengan ini dimaklumkan Lelongan Awam Yang Kemudian bagi tanah tersebut yang ditetapkan pada 5 November 2003 ditangguhkan kerana tiada pembeli.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali kedua pada 28 April 2004 (Rabu) di Pejabat Tanah Bentong, jam 10.30 pagi; dengan harga rizab sebanyak RM167,400.00.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah	No. Pajakan/ Pajakan Kecil	No. Daftar Gadaian
P.M.					
Sabai	6382	665	Semua	Tiada	Pers. No. 1192/96, Jil. 54, Fol. 83
	7813	795			
	7811	793			
Sabai	7486	753	Semua	Tiada	Pers. No. 1193/96 Jil. 54, Fol. 84
	6428	752			

(Lima (5) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 3 Februari 2004  
[P.T. Btg. 5/S/363]

MD FUAD BIN MOHD SHERIF  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Bentong*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA